

Headline **Nasib tapir di Malaysia**
 Date **23 May 2010**
 MediaTitle **Berita Minggu**
 Section **Supplement**
 Journalist **N/A**
 Frequency **Daily**
 Circ / Read **297,950 / 2,476,000**

Language **Malay**
 Page No **4,5**
 Article Size **1243 cm²**
 Color **Full Color**
 ADValue **15,750**
 PRValue **47,251**



Tapir banyak ditemui dikawasan tanah pamah berketeggian 300 meter dari aras laut.



Tapir pemalu dan aktif pada waktu malam hingga sukar untuk dilihat akibatnya di hutan.



Tapir terperangkap dalam perangkap lubang sedalam enam kaki.

Jumlah tapir di seluruh negara kini hanya antara 1,500 hingga 2,000 ekor akibat penebangan hutan untuk pertanian, pembangunan dan perburuan

Nasib tapir di Malaysia

Oleh **Bennie Zie Fauzi**
 bennie @bharian.com.my

SEKALI-SEKALA kita pasti terfikir apabila membaca laporan berita kematian tapir akibat dilanggar kenderaan dan mungkin juga antara kita pernah melihat sendiri mamalia berkenaan menemui ajal di jalan.

Apa punca menyebabkan tapir yang habitatnya di hutan, keluar ke penempatan manusia? Jawapannya kerana pembangunan atau pencerobohan hutan hingga mengakibatkan jumlah

mamalia itu di Malaysia hampir menemui kepupusan.

Ketika ini, jumlah tapir di seluruh negara dilaporkan hanya antara 1,500 hingga 2,000 ekor dengan kehilangan habitat menjadi penyumbang utama penurunan populasi haiwan berasal dari keluarga Tapiridae dalam order Perissodactyla itu.

Pegawai Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan), David Magintan mengakui eksploitasi secara besar-besaran kawasan hutan bagi tujuan pertanian, pembangunan mahu-

pun perburuan mengusir tapir meninggalkan habitatnya.

"Tapir yang berasa terganggu akan keluar dari hutan mencari habitat baru dan menghadapi ancaman masyarakat terutama di kawasan pinggir bandar. Banyak juga kes tapir mati dilanggar kenderaan sewaktu mencari kawasan baru," katanya.

Tapir tidak disenaraikan sebagai haiwan buruan popular seperti Orang Utan, badak Afrika, harimau bintang Amur, panda, penyu atau burung kutub kerana kurang nilai komersial khususnya bagi tujuan perubatan, aksesori atau perhiasan.

Namun kekurangan itu tidak seharusnya menjadi alasan untuk

kita mengabaikan haiwan terbahagi, sebaliknya usaha perlu dilakukan untuk melindungi mereka.

"Setakat ini, lima tapir berjaya dilahirkan di pusat ini, termasuk kembar pada 2007. Di pusat ini juga, kami menyediakan khidmat rawatan bagi tapir yang sakit dan cedera," katanya.

Kira-kira 15 tahun lalu, 10 tapir spesies Malaya berjaya dilahirkan di Zoo Melaka, manakala kelahiran lima kembar tapir spesies sama di Pusat Konservasi Sungai Dusun pada 27 Mei dan 8 Jun 2007 mencipta rekod dunia.

Kembar betina dinamakan May sempena bulan kelahiran mereka, manakala kembar jantan yang dilahirkan 12 hari kemudian bergelar Junior menarik perhatian kerana jarang sekali dilaporkan kelahiran tapir kembar apa juga spesies.

memastikan pemuliharaan tapir dilaksanakan secara berterusan demi kesinambungan generasi mamalia itu.

Langkah dan inisiatif pembiakan tapir oleh Perhilitan wajar diberi sokongan padu kerana ia ibarat usaha awal bagi mengekang kepupusan haiwan yang mempunyai jangka hayat sehingga 30 tahun itu.

Magintan berkata, penubuhan Pusat Konservasi Tapir Rizab Hidupan Liar Sungai Dusun di Ulu Bernam, Selangor pada 2004 membuktikan kesungguhan Perhilitan dalam memastikan populasi mamalia berkenaan stabil serta berkembang.

Di pusat berkenaan, proses pembiakan dilakukan dengan cara meletakkan tapir dalam kurungan dan dibiarkan sehingga induk membiakkan anak sebelum dilepaskan semula di habitat semula jadinya.

"Setakat ini, lima tapir berjaya dilahirkan di pusat ini, termasuk kembar pada 2007. Di pusat ini juga, kami menyediakan khidmat rawatan bagi tapir yang sakit dan cedera," katanya.

Kira-kira 15 tahun lalu, 10 tapir spesies Malaya berjaya dilahirkan di Zoo Melaka, manakala kelahiran lima kembar tapir spesies sama di Pusat Konservasi Sungai Dusun pada 27 Mei dan 8 Jun 2007 mencipta rekod dunia.

Kembar betina dinamakan May sempena bulan kelahiran mereka, manakala kembar jantan yang dilahirkan 12 hari kemudian bergelar Junior menarik perhatian kerana jarang sekali dilaporkan kelahiran tapir kembar apa juga spesies.



Tapir yang berasa terganggu akan keluar dari hutan mencari habitat baru dan menghadapi ancaman masyarakat terutama di kawasan pinggir bandar. Banyak kes tapir mati dilanggar kenderaan sewaktu mencari kawasan baru"

David Magintan

Pegawai Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan)

Tiga kelahiran kembar pernah dilaporkan di Amerika Selatan, iaitu spesies Rowland antara 1970 hingga 1988, tetapi kembar pada 1970 mati sejurus dilahirkan, manakala hanya seekor yang dilahirkan pada 1988 hidup.

Kajian ekologi pertama tapir di negara ini dikatakan bermula sejak 1970-an lagi oleh Taman Negara.

Hasil kajian program inventori dijalankan sekitar 2001 hingga 2002 yang mendapat kerjasama penyelidikan Universiti Florida, Amerika syarikat dan Perhilitan merumuskan ancaman terhadap populasi tapir daripada aktiviti manusia, adalah kecil.

Sebelum itu, kajian bersama oleh Perhilitan, Danish Cooperation for Environment and Development (DANCED) serta Persatuan Pemuliharaan Hidupan Liar sekitar 2000 hingga 2001 mendapati tapir secara relatifnya banyak di Rizab Hidupan Liar Krau. Selepas itu, satu kajian



Headline **Nasib tapir di Malaysia**
Date **23 May 2010**
MediaTitle **Berita Minggu**
Section **Supplement**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **297,950 / 2,476,000**

Language **Malay**
Page No **4,5**
Article Size **1243 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **15,750**
PRValue **47,251**



Ukuran tapak kaki tapir diambil untuk rekod dan dokumentasi program konservasi.



Carl Traehalt antara aktivis projek konservasi Tapir Malaysia memberikan ceramah mengenai tapir di Universiti Malaya, baru-baru ini.

SAIFULLIZAN TAMAD / BERITA HARIAN

husus mengumpul data terperinci mengenai haiwan itu sebagai panduan pemuliharaan dilakukan Perhilitan dengan kerjasama Zoo Copenhagen yang kemudian mencetuskan penubuhan pusat konservasi di Sungai Dusun.

Tapir terbahagi kepada empat spesies, iaitu Tapir Malaya (*Tapirus Indicus*) yang boleh ditemui di Asia Tenggara serta Mountain Tapir (*pinchaque*), Lowland Tapir (*terrestis*) dan Baird's Tapir (*bairdii*), semuanya berhabitat di Amerika Tengah dan Selatan.

Tapir Malaya adalah spesies paling besar dengan berat badan boleh mencecah 540 kilogram (kg), namun purata berat badan normal spesies itu adalah antara 300 hingga 350kg.

Spesies berkenaan juga satu-satunya mempunyai warna badan berbelang hitam putih, namun menurut pengkaji hidupan liar, Boyd Simpson, anak tapir tanpa mengira spesies memiliki bentuk tubuh dan corak yang sama.

"Semua anak tapir mempunyai corak coklat berjalur kuning pada badan. Tiada siapa tahu rahsianya... mungkin juga untuk penyamaran," katanya.

Menyentuh sifat peribadinya, tapir dikatakan aktif pada waktu malam dan pemalu hingga sukar bagi manusia terserempak dengannya di hutan. Ia hidup bersendirian dan tapir betina sering dilihat bersama anak-anaknya.

Di Malaysia, tapir membiak di hutan seluruh Semenanjung, termasuk 40 peratus di kawasan pergunungan dan hutan paya, manakala 60 peratus di tanah pamah berketinggian 300 meter (m) dari aras laut.

Program inventori hidupan liar kendalian Perhilitan merekodkan mamalia ini pernah dijumpai di sekitar banjaran Gunung Tahan pada ketinggian 1,430m, banjaran Gunung Benom (1,720m) dan banjaran Gunung Bintang Hijau (1,730m).

Kadangkala mamalia berkenaan berkeliaran di

kawasan ladang kelapa sawit dan getah berdekatan hutan, selain pernah dikesan berkeluaran di kawasan beberapa kilometer dari bandar utama seperti Temerloh dan Kuala Lumpur.

Setakat ini, tiada rekod khas berhubung kepadatan populasi tapir, namun berdasarkan program inventori hidupan liar, aktiviti penguatkuasaan di hutan Semenanjung serta gambar dirakam perangkap kamera, tapir dikenal pasti haiwan ketiga terbesar dalam spesies Ugulata selepas babi hutan dan kijang.

"Menerusi 57 program inventori dari 1992 hingga 2009 melalui kaedah pemerhatian langsung dan tidak langsung seperti mengesan tapak dan najis, populasi tapir di Semenanjung kini dianggarkan sekitar 1,500 hingga 2,000 ekor," kata Magintan.

Populasi tapir tertinggi di Malaysia dikenal pasti di kawasan landskap terbesar Taman Negara yang terletak di barat Terengganu, selatan Kelantan dan utara Sungai Pahang.

Tapir boleh hidup sehingga 30 tahun dan makanan kegemaran haiwan ini adalah pucuk kayu pelbagai spesies pokok, termasuk pokok buah serta yang berbij. Kajian di Taman Negara mendapati tapir makan lebih daripada 115 spesies tumbuh-tumbuhan.

Penyelaras Kerja Lapangan Projek Pemuliharaan Tapir Malaya, Mohd Sanusi Mohamed, memberitahu sejumlah sampel daun dihantar ke Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bagi tujuan pengesanan.

"Hasilnya, 40 spesies daun dikenal pasti makanan tapir termasuk kegemarannya, iaitu senduduk dan ara, manakala buah kegemaran haiwan ini pula durian, bacang dan nangka," katanya.

Kajian yang dibuat berdasarkan struktur gigi serta sistem penghadaman mamalia itu pula mendapati gaya dan cara pemakanan tapir adalah dengan meragut pucuk berkenaan.